

Meritokrasi wajar ambil kira minat pelajar lelaki

B.H 11/07/07 Ms 23

Penuntut perempuan terus mendominasi kemasukan ke IPTA

Oleh Syuhada Choo Abdullah

PELAKSANAAN sistem meritokrasi untuk memilih pelajar baru ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) wajar turut mengambil kira beberapa elemen yang menjadi kecenderungan calon lelaki bagi mengimbangi bilangan kemasukan mereka dengan perempuan.

Cadangan itu disuarakan beberapa Naib Canselor universiti berdasarkan faktor kebanyakan pelajar lelaki dalam lingkungan umur terbabit mempunyai fokus kecenderungan yang luas dan bukan tertumpu kepada akademik semata-mata berbanding calon perempuan.

Ini berikutan pelajar perempuan terus mendominasi kemasukan ke IPTA dengan 63.7 peratus daripada 40,116 calon ditawarkan tempat bagi Program Pengajian Lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Ma-

trikulasi/Setaraf (Ijazah Pertama) pada sesi akademik 2007/2008 ini.

Senario sama pernah disuarakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, dalam laporan akhbar Disember lalu bahawa graduan perempuan melebihi hampir sekali ganda jumlah lelaki yang menamatkan pengajian di IPTA pada sesi akademik 2005/2006.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pelajar lelaki pada peringkat umur berkenaan lazimnya aktif menyertai banyak cabang aktiviti, di samping terdedah kepada pelbagai pengaruh luar.

"Pelajar lelaki bukan lemah, sebaliknya juga mampu mencapai keputusan peperiksaan yang baik, cuma mereka tidak memberi sepenuh tumpuan terhadap akademik.

"Mereka lebih banyak bersikap 'main-main' atau tidak berapa ki-

sah, selain lambat matang berbanding pelajar perempuan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Sekiranya kadar nisbah tidak seimbang antara pelajar lelaki dan perempuan di universiti berterusan, Ibrahim berkata, dikhuatiri boleh menimbulkan masalah dari aspek sosial serta ekonomi negara dalam jangka panjang.

Beliau berkata, lazimnya tenaga kerja wanita akan memilih persaraan awal demi memberi tumpuan kepada keluarga setelah berumah tangga, secara langsung tidak dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan mereka untuk tempoh perkhidmatan optimum.

"Dari aspek sosial pula, keadaan sedemikian boleh menyumbang kepada peningkatan bilangan suami menjadi 'suri rumah' seperti yang sudah pun berlaku dalam institusi keluarga kini," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Prof Tan Sri Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, turut memersetujui cadangan sama dengan menyarankan antara elemen boleh diambil kira dalam penilaian meritokrasi ialah kecerdasan emosi (EQ) dan kriteria lain berkaitan (selain akademik) mengikut kesesuaian bidang pengajian.

Walaupun elemen berkenaan tidak diambil kira ketika ini, beliau berkata, faktor terbabit penting kerana diberi penekanan berat dalam pasaran kerjaya.

"Memang ada program pengajian yang memerlukan calon menjalani temu duga, tetapi bukan semua. Bagaimanapun, sekiranya ada elemen lain yang ingin dimasukkan dalam penilaian meritokrasi pada masa depan, ia tidak harus berlebihan bagi mengelakkan tanggapan seolah-olah 'pilih kasih' pula," katanya.



30 pengetua, pentadbir, guru Terengganu ke Amerika Syarikat

SEKUMPULAN 30 pengetua, pentadbir dan guru diketuai Pengarah Pelajaran Terengganu, Ariffin Embong bergambar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Jumaat lalu, sebelum berlepas ke Amerika Syarikat bagi mengikuti kursus Schoolwide Enrichment Model (Sem) selama dua minggu di University of Connecticut. Sepanjang mengikuti

program ditaja kerajaan Terengganu itu, peserta mengikuti tiga program utama memfokuskan pembangunan akademik, perkembangan sahsiah dan bakat. Pada masa sama, peserta terbabit akan membuat pertunjukan kebudayaan bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007 dan Tahun Melawat Terengganu 2008.